



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum
PENDIDIKAN MORAL
TAHUN 1

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
1.0	Agama atau Kepercayaan Saya	1.1	Menyatakan agama atau kepercayaan diri.				
		1.2	Menghuraikan kepentingan mempunyai agama atau kepercayaan.				
		1.3	Mengenal pasti ciptaan Tuhan.				
		1.4	Melahirkan rasa syukur terhadap ciptaan Tuhan.				
		1.5	Melaksanakan nilai-nilai keagamaan atau kepercayaan.				

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran				
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
2.0	Bantuan Secara Ikhlas			2.1	Menyenaraikan sifat baik hati yang ada pada diri.	
				2.2	Memberi cadangan cara membantu orang lain.	
				2.3	Memberi alasan pentingnya menghulurkan bantuan.	
				2.4	Menunjukkan perasaan apabila dapat memberi bantuan.	
				2.5	Memberikan sokongan moral dan kebendaan kepada yang memerlukan.	

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran			
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan	
3.0	Tanggungjawab Diri	3.1	Menyenaraikan tanggungjawab terhadap diri sendiri.		
		3.2	Membincangkan kepentingan melaksanakan tanggungjawab terhadap diri sendiri.		
		3.3	Mencadangkan cara bertanggungjawab terhadap diri sendiri.		
		3.4	Berasa bangga apabila dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap diri sendiri.		
		3.5	Melaksanakan tanggungjawab terhadap diri sendiri.		

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
4 .0	Sikap Berterima kasih	4.1	Mengucapkan terima kasih dalam pelbagai bahasa.				
		4.2	Mengenal pasti pelbagai cara memberi penghargaan.				
		4.3	Menghuraikan kepentingan memberi penghargaan.				
		4.4	Menyatakan perasaan apabila dapat memberi penghargaan.				
		4.5	Mencipta pelbagai cenderahati dan kraftangan sebagai tanda penghargaan.				

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
5.0	Bersopan Dalam Tutur Kata Dan Tingkah Laku	5.1	Mengenal pasti tutur kata dan tingkah laku yang bersopan.				
		5.2	Meramalkan kesan tutur kata dan tingkah laku yang sopan.				
		5.3	Menunjukkan cara berkomunikasi dengan beradab sopan dalam tutur kata dan tingkah laku.				
		5.4	Menzahirkan perasaan apabila beradab sopan dalam pertuturan dan tingkah laku.				
		5.5	Mengamalkan tutur kata dan tingkah laku yang bersopan.				

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
6.0	Hormati Diri	6.1	Memberi contoh menghormati diri sendiri.				
		6.2	Menerangkan faedah menghormati diri sendiri.				
		6.3	Membanding beza cara menghormati diri sendiri dan tidak menghormati diri sendiri.				
		6.4	Menyatakan perasaan apabila dapat menghormati diri sendiri.				
		6.5	Mempraktikkan sikap menghormati diri sendiri dalam kehidupan seharian.				

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
7.0	Sayangi Diri	7.1	Menyenaraikan cara menjaga kebersihan dan keselamatan diri				
		7.2	Menjelaskan dengan contoh kesan tidak menjaga kebersihan dan keselamatan diri.				
		7.3	Memberi alasan pentingnya menjaga kebersihan dan keselamatan diri.				
		7.4	Mengekspresikan perasaan setelah menjaga kebersihan dan keselamatan diri.				
		7.5	Mempraktikkan amalan menjaga kebersihan dan keselamatan diri dalam kehidupan seharian.				

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran			
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan	
8.0	Adil Dalam Perlakuan Seharian			8.1	Menyatakan contoh keadilan dalam perlakuan seharian.
				8.2	Menceritakan sebab perlu berlaku adil dalam perlakuan seharian.
				8.3	Menilai kesan ketidakadilan dalam perlakuan seharian.
				8.4	Menghayati sikap adil dalam perlakuan seharian.
				8.5	Bertindak adil dalam perlakuan seharian.

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran				
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
9.0	Berani Mempertahankan Maruah Diri	9.1	Memberikan contoh perlakuan berani mempertahankan maruah diri.			
		9.2	Mengenal pasti kepentingan bersikap berani untuk mempertahankan maruah diri.			
		9.3	Menilai kesan apabila bertindak berani secara melulu tanpa berfikir.			
		9.4	Mengekspresikan perasaan apabila dapat mempertahankan maruah diri.			
		9.5	Mengaplikasikan sikap berani mempertahankan maruah diri dalam pelbagai situasi.			

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan			
10.0	Jujur Dalam Kehidupan Sehari-hari			10.1	Memberikan contoh perlakuan jujur dalam kehidupan seharian.		
				10.2	Menghuraikan sebab perlunya bersikap jujur.		
				10.3	Menunjuk cara bersikap jujur dalam kehidupan seharian.		
				10.4	Meluahkan perasaan apabila bersikap jujur.		
				10.5	Mengaplikasikan sikap jujur dalam pelbagai situasi.		

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
11.0	Rajin Dalam Perlakuan Harian			11.1	Menyatakan ciri-ciri bersikap rajin.		
				11.2	Membincangkan kebaikan bersikap rajin.		
				11.3	Mencadangkan aktiviti yang menunjukkan sikap rajin.		
				11.4	Mengekspresikan perasaan apabila bersikap rajin dalam perlakuan seharian.		
				11.5	Mengamalkan sikap rajin dalam aktiviti seharian.		

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
12.0	Kerjasama Dalam Kehidupan Sehari-hari	12.1	Memerihalkan aktiviti yang boleh dilakukan bersama-sama.				
		12.2	Mempraktikkan nilai bekerjasama demi perpaduan dalam kehidupan seharian.				
		12.3	Menghuraikan kebaikan bekerjasama dengan orang lain.				
		12.4	Merancang aktiviti yang menunjukkan sikap kerjasama.				
		12.5	Meluahkan perasaan apabila melaksanakan aktiviti bersama-sama.				

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
13.0	Kesederhanaan Dalam Diri	13.1	Memberi contoh sikap tidak keterlaluan dalam kehidupan seharian.				
		13.2	Mengenal pasti kepentingan bersikap sederhana.				
		13.3	Membanding beza antara sikap bersederhana dengan sikap keterlaluan.				
		13.4	Menyatakan perasaan apabila bersikap sederhana dalam kehidupan seharian.				
		13.5	Mengamalkan perlakuan sederhana dalam kehidupan seharian.				

TEMA: DIRI SAYA

Standard Kandungan / Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
14.0	Toleransi Dalam Kehidupan Sehari-hari	14.1	Menyatakan cara bertoleransi dalam kehidupan seharian.				
		14.2	Membincangkan kebaikan bersabar dan bertolak ansur terhadap diri dan orang lain.				
		14.3	Mendemonstrasi cara bertoleransi dalam pelbagai situasi.				
		14.4	Melahirkan perasaan apabila dapat mengawal diri dalam sesuatu situasi.				
		14.5	Mempraktikkan sikap bertoleransi untuk memperkukuh perpaduan dalam kehidupan.				

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**